

- **PANDUAN UMUM MENDUDUKI PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN AWAM**

- **PERMOHONAN PEPERIKSAAN**

- Permohonan Peperiksaan dan paparan Jadual Peperiksaan adalah secara dalam talian melalui laman sesawang
    - Bagi pengguna HRMIS sila log masuk sistem menggunakan id dan kata laluan yang sama seperti HRMIS
    - Bagi pengguna bukan HRMIS sila Daftar pengguna terlebih dahulu untuk mendapatkan id dan kata laluan.
    - Calon perlu pastikan Butiran Perkhidmatan adalah betul sebelum permohonan dihantar.
    - Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup akan DITOLAK;
    - Permohonan bagi siri 2, akan dibuka setelah keputusan siri 1 dipaparkan;
    - Emel Akuan Terimaan permohonan akan dihantar ke emel berdaftar dalam Sistem Peperiksaan dan hendaklah dicetak sebagai bukti permohonan telah dibuat;
    - Calon yang tidak mendaftar TIDAK DIBENARKAN menduduki peperiksaan;
    - Semakan status permohonan, angka giliran dan pusat peperiksaan adalah secara dalam talian melalui laman sesawang kompetensi (<https://www.>) dua (2) minggu sebelum tarikh peperiksaan.

- **PUSAT PEPERIKSAAN**
  - Ditetapkan oleh urus setia Peperiksaan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia;
  - Pertukaran Pusat Peperiksaan adalah TIDAK DIBENARKAN kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada urus setia peperiksaan di Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam;
  - Pertukaran pusat hanya dibenarkan atas sebab-sebab berikut :
    - Pertukaran Tempat Bertugas (Surat Arahan Pertukaran hendaklah disertakan); dan
    - Masalah kesihatan (Surat Laporan Kesihatan daripada Pegawai Kesihatan hendaklah disertakan).
- **KEPUTUSAN**
  - Semakan keputusan peperiksaan adalah secara dalam talian melalui laman sesawang kompetensi (<https://www.>);
  - Keputusan peperiksaan akan dikeluarkan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh peperiksaan; dan
  - Keputusan peperiksaan dianggap TERBATAL sekiranya calon didapati tidak layak menduduki peperiksaan yang berkaitan.